

**KEPENTINGAN PENGAJARAN SUBJEK SYARIAH DAN PENGAJIAN ISLAM
MENGUNAKAN BAHASA ARAB: KAJIAN PERSEPSI PELAJAR SYARIAH DAN UNDANG-
UNDANG, USIM**

Mualimin Mochammad Sahid^{1*}, Baidar Mohammed Mohammed Hasan¹, Mohammad Najib Jaffar²

¹*Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

²*Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

**(Corresponding author) Email: mualimin.sahid@usim.edu.my*

ABSTRAK

Objektif kajian: Kajian ini bertujuan mengenalpasti kepentingan dan kebolehlaksanaan pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek Syariah dan pengajian Islam dalam bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia.

Metodologi kajian: Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif yang melibatkan seramai 239 pelajar tahun 1 sehingga tahun 5 daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Satu (1) set soal selidik yang mengandungi enam (6) soalan bagi mengetahui pandangan mereka berkaitan keperluan dan kebolehlaksanaan pengajaran dan pembelajaran subjek Syariah dan pengajian Islam menggunakan medium bahasa Arab. Responden dipilih menggunakan teknik persampelan rawak dan data dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif.

Hasil kajian: Kajian ini mendapati bahawa 69.5% responden berpandangan pengajaran subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam di USIM adalah perlu. Bahkan hampir keseluruhan responden, iaitu sebanyak 92.5% bersetuju sebagai universiti peneraju integrasi ilmu Naqli dan Aqli, USIM perlu memartabatkan Bahasa Arab disamping Bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa Pengajaran dan Pembelajaran (PnP). Walaubagaimanapun, terdapat cabaran dalam penggunaan bahasa Arab sebagai medium PnP yang dihadapi oleh kebanyakan pelajar. Justeru, 63.2% responden mengakui bahawa mereka mengalami kesusahan dalam memahami subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam jika disampaikan dalam Bahasa Arab. Adapun punca kesukaran yang dialami pelajar dalam memahami subjek yang diajar dalam Bahasa Arab adalah disebabkan oleh sikap pelajar yang lebih suka dan merasa selesa jika PnP dijalankan dalam bahasa selain Bahasa Arab, sama ada bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris. Majoriti pelajar, iaitu seramai 59.4% responden menyatakan dan bersetuju dengan perkara ini.

Aplikasi kajian: Hasil kajian ini dapat digunapakai sebagai rujukan penggubal polisi dan jawatankuasa pengurusan tertinggi universiti bagi memastikan bahawa penggunaan medium Bahasa Arab dalam PnP subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam masih relevan dan perlu diteruskan. Ini adalah bagi meneruskan dan memantapkan lagi agenda integrasi ilmu Naqli dan Aqli di Universiti Sains Islam Malaysia. Bahasa Arab sebagai medium sumber-sumber rujukan ilmu Naqli wajar diberi tumpuan yang lebih besar bagi membolehkan pelajar-pelajar memiliki dasar keilmuan yang kuat dalam memahami dan mengaplikasikan kedua-dua disiplin ilmu ini.

Kebaharuan/Keaslian kajian: Kajian ini mendedahkan punca sebenar masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan guru (pensyarah). Terdapat pelbagai isu seperti lemahnya prestasi pelajar dan rendahnya minat mereka dalam subjek Syariah dan Pengajian Islam tanpa dikenalpasti puncanya. Justeru, kajian ini menunjukkan fakta dan punca sebenar. Pelajar mempunyai latarbelakang yang cukup untuk memahami subjek-subjek yang diajar, dan mereka meyakini pentingnya PnP dalam Bahasa Arab, namun sikap pelajar perlu diubah serta guru perlu memperbaiki cara mengajar dan menyampaikan maklumat agar dapat menarik minat mereka.

Kata kunci: Pengajaran, Pengajian Islam, Bahasa Arab, Pelajar, Syariah, Undang-Undang

Pendahuluan

Kemahiran Bahasa Arab bagi pelajar-pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah satu perkara yang amat penting. Bukan hanya pelajar yang mengambil program pengajian Islam sahaja, bahkan pelajar-pelajar lain di pelbagai fakulti juga perlu memiliki kemahiran Bahasa Arab. Ini bagi memastikan kejayaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PnP) dapat dicapai. Tahap kemahiran ini akan menjadi pananda aras bagi kejayaan pelajar dalam bidang-bidang yang diambil, khususnya pengajian Islam. (Azura, Ahmad, & Rahman, 2007)

Kemahiran ini meliputi empat komponen utama iaitu mendengar (*istima'*), membaca (*qira'ah*), bercakap (*kalam*) dan menulis (*kitabah*). Justeru, kelemahan dalam menguasai Bahasa Arab dan keupayaan yang kurang dalam memahami Bahasa Arab akan menjadi punca utama kemerosotan prestasi dan rendahnya kualiti pemahaman serta pengetahuan pelajar khususnya mereka yang mengambil kursus-kursus dalam pengajian Islam. (Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali, & Awatif Abdul Rahman, 2014) Di kalangan institusi pengajian tinggi dalam negara, USIM adalah diantara universiti awam (UA) yang menggunakan sistem pembelajaran dan pengajaran (PnP) dalam dua bahasa utama, iaitu Arab dan Inggeris. Oleh itu, kejayaan pelajar menguasai dua bahasa ini dan kemahiran yang baik menjadi kunci utama kejayaan mereka dalam setiap kursus yang diambil.

Sebagai usaha ke arah memastikan pelajar-pelajar dapat mencapai matlamat universiti dan membantu mereka menguasai dua bahasa pembelajaran dan pengajaran utama ini, pelbagai upaya telahpun dilaksanakan. Diantaranya adalah penetapan syarat kemasukan ke fakulti-fakulti pengajian Islam yang tinggi untuk subjek Bahasa Arab, program dan kursus wajib Bahasa Arab yang perlu diambil oleh setiap pelajar (seperti kursus UBA, kursus Bahasa Arab untuk akademik, dan program intensif Bahasa Arab yang lain) pada setiap semester, dan program-program sokongan seperti kem-kem Bahasa Arab, kelab-kelab pidato dan debat Bahasa Arab, mahrajan Thaqafi, pertandingan Bahasa Arab peringkat universiti dan lain-lain. (Febrian, 2012)

Walaupun bagaimanapun, usaha-usaha seperti tersebut di atas dianggap masih belum mampu membantu meningkatkan kemahiran bahasa Arab di kalangan pelajar khususnya yang mengambil pengajian Islam secara keseluruhan. Meskipun terdapat kesan positif dan pencapaian yang agak baik dikalangan pelajar ekoran usaha-usaha tersebut, namun ia hanya berlaku dan terhad kepada segolongan kecil pelajar. Adapun kebanyakan pelajar masih lagi menghadapi masalah lemahnya penguasaan Bahasa Arab meskipun mereka adalah diantara pelajar yang mengambil pengajian Islam di USIM.

Sebagai sebuah universiti yang mempunyai visi dan misi sebagai kampus Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli, serta menjadi kampus rujukan serantau dalam bidang ini, sudah sewajarnya USIM membuat persiapan awal dan menyediakan komponen yang akan membantu merealisasikan matlamat tersebut. (USIM stracomm, 2015) Untuk dapat menguasai ilmu Naqli supaya boleh dipadukan dengan ilmu aqli, diperlukan komponen utama yang menjadi syarat, iaitu kemampuan menguasai Bahasa Arab sebagai bahasa Al-Qur'an dan As-Sunnah yang menjadi dua sumber utama ilmu-ilmu Naqli. (M M Sahid & Fettane, 2019)

Bagi memastikan kejayaan matlamat USIM dapat dicapai, perlu proses dan upaya memastikan kemahiran Bahasa Arab sebagai bahasa utama yang digalas bersama oleh para pensyarah dan para pelajar. Oleh itu, sehingga ke hari ini universiti ini masih lagi mengekalkan statusnya sebagai kampus yang

menjadikan Bahasa Arab dan Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PnP). Ini dilihat sebagai satu keunikan sekaligus pencapaian USIM yang membezakan dengan kampus-kampus lain khususnya di kalangan Universiti Awam (UA). (Ku Fatahiyah Ku Azizan et al., 2014)

Tidak dinafikan, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan proses PnP yang menggunakan bahasa antarabangsa (Inggeris dan Arab). Terdapat maklumbalas positif dan negatif, sama ada daripada pensyarah mahupun pelajar sendiri berkenaan kesukaran dan prestasi yang ditunjukkan pelajar ekoran penggunaan dua (2) bahasa yang bukan bahasa ibunda ini. (Mualimin, 2019) Perkara ini membuktikan ia satu proses yang tidak mudah bagi memperkasa agenda integrasi ilmu Naqli dan Aqli serta menjayakan matlamat universiti. Justeru, beberapa cadangan untuk melonggarkan penggunaan bahasa Inggeris dan Arab dalam proses PnP diterima dari ramai kalangan. Bahkan terdapat permohonan untuk memudahkan syarat kemasukan ke universiti dengan menurunkan gred atau kredit subjek Bahasa Arab bagi pelajar yang memilih USIM sebagai tempat menyambung pengajian. (Samah, 2012)

Bagi mengetahui sejauh mana persepsi pelajar dan penerimaan mereka terhadap proses PnP menggunakan bahasa selain bahasa kebangsaan ini, kajian dalam artikel ini akan cuba menentengahkan maklumbalas pelajar khususnya berkaitan penggunaan Bahasa Arab bagi kursus-kursus pengajian Islam menerusi soal selidik yang dihipunkan daripada kalangan pelajar sendiri. Berdasarkan hasil soal selidik, maklumbalas, cadangan dan juga harapan mereka ini, dapat diketahui tahap penerimaan pelajar dan persepsi mereka sama ada proses pengajaran dan pembelajaran subjek pengajian Islam dengan menggunakan Bahasa Arab masih lagi relevan atau sebaliknya.

Soal Selidik Berkaitan Persepsi Pelajar Berkaitan Penggunaan Bahasa Arab dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Pengajian Islam

Sebagai usaha mendapatkan maklumbalas dan pandangan para pelajar yang secara langsung menghadapi cabaran semasa proses pembelajaran mereka dengan menggunakan Bahasa Arab, satu set soal selidik telah dibuat yang mengandungi enam (6) soalan bagi mengetahui persepsi sebenar mereka. Sebagai permulaan, telah dipilih para pelajar daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) kerana mereka adalah diantara pelajar-pelajar di USIM yang banyak mengambil kursus-kursus pengajian Islam sama ada kursus wajib fakulti (WF) mahupun wajib universiti (WU).

Seramai 239 pelajar daripada kalangan pelajar sarjana muda Undang-Undang dan Syariah (SMUS), sarjana muda Fiqh dan Fatwa (SMFF) serta sarjana muda Syariah dan Industri Halal (SMSIH) telah memberikan maklumbalas dan pandangan mereka berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PnP) subjek pengajian Islam dan Syariah menggunakan Bahasa Arab.

Enam (6) set soalan yang diajukan kepada para responden di kalangan pelajar-pelajar terpilih dari tahun satu (1) sehingga tahun lima (5) fakulti Syariah dan Undang-Undang ini merangkumi soalan-soalan seperti berikut: (Mualimin, 2020)

1. Adakah perlu mengajar subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam dalam Bahasa Arab di USIM?
2. USIM sebagai universiti peneraju integrasi ilmu Naqli dan Aqli perlu memartabatkan Bahasa Arab disamping Bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa Pengajaran dan Pembelajaran
3. Adakah anda mengalami kesusahan dalam memahami subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam jika disampaikan dalam Bahasa Arab?
4. Apakah sebab Pelajar susah memahami subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam jika disampaikan dalam Bahasa Arab?
5. Apakah pandangan anda terhadap bahasa yang digunakan dalam pengajaran subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam di USIM?
6. Apa cadangan dan Harapan anda berkaitan pengajaran subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam di USIM?

Maklumbalas yang diterima daripada 239 pelajar berdasarkan enam (6) soalan ini menunjukkan satu hasil yang dapat memberikan data dan fakta berkaitan tujuan kajian ini dibuat. Meskipun bukan daripada keseluruhan pelajar di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, apatah lagi dari kesemua pelajar di kampus USIM, namun jumlah sample yang berjaya dihimpunkan ini dapat mewakili sebahagian besar pelajar yang mengambil subjek pengajian di universiti ini. Hal itu demikian kerana sampel yang diambil adalah daripada kalangan pelajar Syariah dan Undang-Undang yang hampir 80% kursus yang diambil adalah menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengajaran dan pembelajaran.


Berikut adalah data lengkap hasil soal selidik yang berjaya dihimpunkan:

A. Kepelbagaian Responden

Rajah 1 menunjukkan bahawa responden adalah dari kalangan pelajara-pelajar tahun satu (1) sehingga tahun lima (5) sarjana muda daripada tiga (3) program di fakulti Syariah dan Undang, iaitu sarjana muda Undang-Undang dan Syariah (SMUS), sarjana muda Fiqh dan Fatwa (SMFF) serta sarjana muda Syariah dan Industri Halal (SMSIH). Berdasarkan rajah di atas, kebanyakan responden adalah daripada pelajar SMFF iaitu sebanyak 69.9%, disusuli pelajar SMSIH sebanyak 27.6%, dan bakinya adalah daripada pelajar SMFF. Adapun nisbah responden berdasarkan tahun pengajian adalah didominasi oleh pelajar-pelajar daripada tahun satu (1) iaitu seramai 67.4%, seterusnya pelajar tahun dua (2), disusuli pelajar tahun tiga (3) sebanyak 11.3%, dan bakinya adalah daripada pelajar tahun empat (4) dan lima (5).


PROGRAM

239 responses



TAHUN

239 responses




Rajah 1

B. Keperluan Mengajar Subjek Pengajian Islam dalam Bahasa Arab di Usim

Berdasarkan maklumbalas daripada keseluruhan responden, majoriti pelajar bersetuju bahawa kursus-kursus Syariah dan juga pengajian Islam perlu diajar menggunakan Bahasa Arab, iaitu seramai 69.5% responden. Adapun pelajar yang tidak bersetuju adalah seramai 12.1% sahaja. Walaubagaimanapun, terdapat sebilangan pelajar iaitu seramai 18.4% dari kalangan pelajar yang menjawab tidak sama ada penggunaan Bahasa Arab dalam PnP adalah perlu ataupun tidak. Meskipun jumlahnya sedikit lebih ramai daripada pelajar yang tidak bersetuju iaitu seramai 18.4%, ia masih dikira sebahagian kecil dari kalangan pelajar sahaja jika dibandingkan dengan pelajar yang bersetuju. Data ini menunjukkan bahawa PnP dalam Bahasa Arab tidak sepenuhnya dianggap perlu oleh pelajar, kerana dari total jumlah responden, seramai 30.5% pelajar berpandangan sama ada tiada keperluan atau mereka ragu-ragu atas keperluan tersebut. Dikuatiri hampir sepertiga kalangan pelajar ini mengalami kesukaran semasa memahami subjek Syariah atau Pengajian Islam jika diajarkan dalam Bahasa Arab. Rujuk Rajah 2 untuk perincian data berkenaan.

1. Adakah perlu mengajar subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam dalam Bahasa Arab di USIM?

239 responses




Rajah 2

C. Memartabatkan Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia

Sebagai kampus yang menerajui integrasi ilmu Naqli dan Aqli, USIM mengorak langkah dan bergiat sejak awal dalam menjadikan dua sumber rujukan ilmu Naqli iaitu al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai subjek utama yang memangkin kejayaan mempelajari ilmu-ilmu sains dan teknologi (ilmu Aqli). (Yuslina Mohamed, Hazlina Abdullah, Mesbahul Haque, & Sulaiman Ismail, 2018) Bagi tujuan tersebut, memperkasa dan memartabat Bahasa Arab – selain bahasa Inggeris dan bahasa Melayu – adalah satu kemestian yang tidak boleh diabaikan. Perkara ini mendapatkan maklumbalas yang jitu daripada para pelajar ketika menjawab soalan sama ada USIM perlu memartabatkan Bahasa Arab sebagai bahasa Pengajaran dan Pembelajaran atau sebaliknya. Rajah 3 menunjukkan bahawa majoriti besar responden (iaitu 92.5%) bersetuju bahawa USIM perlu berbuat demikian bagi merealisasikan agenda integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

2. USIM sebagai universiti peneraju integrasi ilmu Naqli dan Aqli perlu memartabatkan Bahasa Arab disamping Bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa Pengajaran dan Pembelajaran

239 responses



Rajah 3


D. Cabaran dan Faktor Kesukaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) Menggunakan Bahasa Arab

Tidak dinafikan bahawa terdapat cabaran dalam mempelajari kursus-kursus Syariah dan Pengajian Islam menggunakan medium Bahasa Arab. Ini adalah akibat masih rendahnya tahap penguasaan Bahasa Arab dikalangan pelajar di institusi pengajian sama ada rendah, menengah mahupun tinggi di seluruh negara. Fenomena lemah dan rendahnya kemampuan pelajar di sekolah mahupun universiti dalam Bahasa Arab menjadi salah satu punca kemerosotan prestasi dan kecemerlangan dalam matapelajaran dan kursus yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa utama pembelajaran dan pengajaran (PnP). Oleh itu, majoriti responden beranggapan bahawa mereka mengalami kesukaran dalam memahami subjek yang diajar menggunakan Bahasa Arab.

Merujuk gambar Rajah 4, didapati bahawa seramai 63.2% pelajar bersetuju mereka menghadapi kesukaran dalam memahami kursus-kursus Syariah dan pengajian Islam jika diajarkan dengan menggunakan medium Bahasa Arab. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku sama ada faktor luaran mahupun dalaman. (M M Sahid & Fettane, 2019) menyebutkan bahawa faktor-faktor berikut menjadi punca tahap kemahiran Bahasa Arab pelajar yang rendah iaitu diantaranya seperti tempoh atau jam pelajaran Bahasa Arab yang tidak mencukupi, ketiadaan persekitaran Bahasa Arab yang kondusif, interaksi dan berlatih Bahasa Arab yang kurang, serta pengajaran menggunakan kaedah terjemah yang menyebabkan pelajar merasa selesa dalam memahami subjek yang dipelajari. Akibatnya, prestasi pelajar kurang memberangsangkan dan tahap kemahiran Bahasa Arab juga berada di takuk yang lama.

3. Adakah anda mengalami kesusahan dalam memahami subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam jika disampaikan dalam Bahasa Arab?

239 responses




Rajah 4

Adapun Rajah 5 di bawah menunjukkan bahawa lebih separuh pelajar (iaitu seramai 59.4%) punca mereka susah mamahami subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam jika disampaikan dalam Bahasa Arab adalah kerana mereka merasa selesa dengan mengambil jalan mudah, iaitu menggunakan kaedah terjemah dalam memahami subjek yang diajar. Justeru mereka lebih memilih jika kursus yang diambil diajar dengan menggunakan sama ada bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris. Bagi sebahagian pelajar (iaitu seramai 39.8%), sebab mereka sukar memahami subjek yang diajara dalam Bahasa Arab adalah kerana mereka tiada asas Bahasa Arab (15.5%), atau disebabkan pesyarah yang terlalu laju dalam bercakap Bahasa Arab semasa mengajar (24.3%). Baki pelajar berpandangan bahawa punca kesukaran tersebut adalah kerana pesyarah kurang mampu bercakap dalam Bahasa Arab sehingga dapat difahami oleh pelajar.

4. Apakah sebab Pelajar susah memahami subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam jika disampaikan dalam Bahasa Arab?

239 responses



Rajah 5


E. Kaedah Ideal dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Syariah dan Pengajian Islam

Berdasarkan Rajah 6, terdapat pandangan yang pelbagai daripada responden berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi subjek-subjek Pengajian Islam di USIM menggunakan Bahasa Arab. Daripada tiga (3) kaedah pengajaran yang ditanyakan dalam soal selidik, majoriti besar (iaitu seramai 87.9%) berpandangan bahawa kaedah pengajaran menggunakan dwi bahasa iaitu sama ada Bahasa Arab dan Melayu, mahupun Bahasa Arab dan Inggeris adalah paling sesuai dan digemari pelajar. Walaubagaimanapun, terdapat sebilangan pelajar (9%) yang berpendapat pengajaran subjek pengajian Islam masih relevan untuk disampaikan sepenuhnya dalam Bahasa Arab. Ia satu jumlah yang kecil jika dibandingkan dengan pelajar yang sebaliknya, namun jika dilihat dari sudut pandang yang lain, menunjukkan terdapat kemungkinan lebih ramai akan berpandangan menyokong penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa pembelajaran jika persekitaran dan kemudahan sokongan ditambahbaik.

Adapun responden yang lebih memilih penggunaan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, mereka juga memiliki jumlah yang sama dengan penyokong Bahasa Arab sebagai bahasa PnP. Kewujudan sebilangan pelajar yang lebih memilih bahasa selain Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar subjek-subjek pengajian Islam menunjukkan terdapat kerisauan berkaitan tahap kemahiran Bahasa Arab dan pencapaian prestasi mereka. Ini kerana polisi universiti yang masih mengekalkan Bahasa Arab sebagai medium pengajaran subjek pengajian Islam masih perlu diamalkan. Justeru, dengan menggunakan bahasa lain dalam memahami subjek Syariah ataupun pengajian Islam akan menjadi punca kemerosotan prestasi pelajar seterusnya menyukarkan universiti dalam agenda integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

5. Apakah pandangan anda terhadap bahasa yang digunakan dalam pengajaran subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam di USIM?

239 responses



Rajah 6

Pandangan dan Harapan Pelajar berkaitan Penggunaan Bahasa Arab Sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Syariah dan Pengajian Islam

Terdapat seramai 136 pelajar daripada jumlah keseluruhan 239 pelajar yang memberikan maklumbalasa berkaitan pandangan dan harapan mereka berkaitan pengajaran subjek-subjek Syariah dan Pengajian Islam di USIM. Berdasarkan maklumbalasa ini dapat disimpulkan dalam beberapa poin seperti berikut: (Mualimin, 2020)

1. Para pelajar mengakui bahawa penggunaan bahasa asal, iaitu Bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP) kursus-kursus Syariah dan pengajian Islam amatlah penting. Ini bagi memastikan kandungan dan isi subjek yang diajar tidak lari dari kefahaman yang sebenar. Kaedah menterjemah ke dalam bahasa kedua, sama ada bahasa Melayu mahupun Bahasa Arab dikuatiri mengubah maksud sebenar dan tidak dapat mencapai kefahaman yang tepat. Justeru, bagi membantu pihak universiti dalam mencapai matlamat dan agenda mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli, penggunaan Bahasa Arab perlu dikekalkan dan ditambahbaik agar pelajar lebih selesa dan mudah menguasainya.
2. Terdapat sebilangan pelajar yang berpandangan bahawa mereka tidak mempunyai masalah dan boleh menerima penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar mempelajari subjek-subjek Syariah dan pengajian Islam meskipun mengalami kesukaran. Mereka menganggap ia sebagai satu cabaran dalam resiko belajar di kampus USIM yang mahukan pelajar menguasai kedua-dua bahasa antarabangsa, iaitu Bahasa Arab dan bahasa Inggeris disamping memartabat bahasa kebangsaan. Bahkan ramai yang meyakini bahawa polisi universiti yang mengekalkan Bahasa Arab sebagai bahasa medium pengajaran dianggap unik dan memiliki kelebihannya tersendiri dibandingkan dengan universiti-universiti awam yang lainnya. Justeru, mereka berharap ciri khas ini dapat dikekalkan dan ditambahbaik dari segi pelaksanaannya agar diterima oleh para pelajar.
3. Sebahagian besar pelajar meyakini bahawa isi dan kandungan ilmu daripada subjek-subjek yang diajar adalah lebih penting daripada sekadar penggunaan bahasa. Bahasa apapun yang digunakan dalam memahami subjek tersebut tidak menjadi masalah sekiranya mesej dan intipati ilmu yang disampaikan dapat difahami dan diterima oleh para pelajar. Justeru, mereka berpendapat kursus-kursus Syariah dan pengajian Islam perlu disampaikan menggunakan dwi bahasa iaitu samaada Bahasa Arab dan Inggeris, ataupun Bahasa Arab dan Melayu. Ini bertujuan memastikan pelajar dapat memahami subjek yang diajar dengan lebih baik dan pada masa yang sama dapat meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Arab.
4. Terdapat segolongan responden yang berpandangan bahawa pengajar yang dapat memahami bahasa selain Bahasa Arab, sama ada bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris lebih baik daripada pengajar yang hanya mampu menyampaikan pengajaran dalam Bahasa Arab sahaja. Justeru, pelajar meyakini pensyarah yang dapat mengajar dalam dua (2) bahasa lebih berkesan dalam menyampaikan syarahan dan pelajar lebih selesa belajar kerana dapat memahami pelajaran dengan lebih baik.
5. Ramai responden juga mencadangkan bahawa para guru dan pensyarah perlu meningkatkan atau menambahbaik kaedah dan cara pengajaran mereka agar pelajar dapat lebih mudah memahami subjek yang disampaikan. Diantara harapan pelajar adalah pensyarah perlu menggunakan bahasa pengajaran yang mudah dan boleh difahami oleh pelajar. Disamping itu, jika mengajar dalam Bahasa Arab, mereka perlu menggunakan bahasa yang jelas dan bercakap secara perlahan agar pelajar yang lemah tahap kemahiran Bahasa Arabnya dapat mengikuti dan memahami syarahan yang disampaikan. Ini kerana sebahagian pelajar adalah daripada lepasan Sijil Tinggi Persekolahan

Malaysia (STPM) yang tidak terbiasa dengan penggunaan Bahasa Arab dalam memahami subjek Syariah ataupun pengajian Islam yang lain.

6. Terdapat sebilangan responden yang menyatakan bahawa mereka bertuah dapat belajar di kampus yang menjadikan Bahasa Arab dan Inggeris sebagai medium pengajaran dan pembelajaran di kampus. Cabaran yang dihadapi digalas dengan sepenuh tenaga bagi memastikan mereka dapat lulus dalam apajua subjek yang diambil dan ia menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya. Walaupun hasil pencapaian mata pelajaran yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar tidak cemerlang dan hanya memperolehi gred B atau C, namun nilai yang dikandungi jauh lebih berharga dan bermakna kerana ia adalah subjek yang diambil menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya. Bagi mereka, ini adalah satu kelebihan yang mereka dapat di USIM dan tidak dijumpai di kampus-kampus awam yang lain.

Kesimpulan dan Saranan

Berdasarkan data yang dihimpunkan daripada hasil soal selidik dan juga cadangan serta harapan para pelajar berkaitan penggunaan Bahasa Arab sebagai medium pengajaran dan pembelajaran (PnP) subjek Syariah dan pengajian Islam, dapat disimpulkan bahawa polisi yang ditetapkan oleh pihak universiti yang mengekalkan Bahasa Arab sebagai medium PnP adalah masih relevan dan dapat diterima oleh pelajar. Ini kerana kesan positif yang ditimbulkan lebih banyak dan kebaikannya dapat dirasakan oleh pelajar. Meskipun terdapat kesukaran dan kekangan dalam pelaksanaannya, serta pelbagai cabaran dihadapi oleh pelajar, namun perkara ini dianggap cabaran biasa dan boleh dihadapi dengan cara meningkatkan serta menambahbaik kaedah PnP dan kemudahan proses pengajaran yang sedia ada.

Fakta yang menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar lebih memilih penggunaan dwi-bahasa dalam proses PnP juga perlu diberi perhatian dan mendapat pemantauan sewajarnya dari pihak pengurusan universiti. Ini bagi memastikan polisi universiti berkaitan kaedah dan proses PnP dalam Bahasa Arab tetap dapat dikekalkan dan dilaksanakan. Adapun cara dan pendekatan yang diambil perlu dibincangkan bersama di antara pensyarah dan pengurusan universiti bagi mendapatkan kaedah yang terbaik. Yang paling penting adalah pelajar dapat meningkatkan kemahiran Bahasa Arab, dan pada masa yang sama memahami isi kandungan subjek yang diajar.

Harapan para pelajar yang mahukan mereka memahami pelajaran dan mendapatkan ilmu pengetahuan perlu diambil perhatian. Ini bertujuan agar segala ilmu yang diperolehi semasa di menara gading dapat dimanfaatkan untuk pelajar itu sendiri dan juga untuk masyarakat semasa mereka lulus dan menceburi bidang masing-masing.

Dengan usaha sama dari setiap fakulti dalam mewujudkan persekitaran Bahasa Arab yang baik, serta sokongan padu daripada pihak pengurusan universiti dalam usaha ke arah memperkasakan kemahiran Bahasa Arab di kalangan pelajar, akan dapat membantu memastikan polisi universiti menjadikan Bahasa Arab sebagai medium pengajaran kekal relevan dan perlu diteruskan bagi merealisasikan objektif integrasi ilmu Naqli dan Aqli untuk kebaikan kampus dan warganya secara keseluruhan.

Rujukan

- Azura, W., Ahmad, W., & Rahman, L. A. (2007). Pembelajaran bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Tinjauan Kecenderungan Pelajar. *Pembelajaran Bahasa Arab Di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Tinjauan Kecenderungan Pelajar*.
- Febrian, D. (2012). Kaedah Terbaik untuk aktiviti bahasa Arab di luar bilik darjah: kertas kerja dibentangkan dalam Seminar bahasa Arab Peringkat Negeri Selangor ke-2. Klang, Selangor: Selangor Arabic Centre.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali, & Awatif Abdul Rahman. (2014). Kaedah pengajaran & pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab di IPT. *The Journal of Sultan*

Alauddin Sulaiman Shah.

- Mualimin Mochammad Sahid. (2019). *Al-Rajih Fi Fiqh al-Muamalat* (1st ed.). Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Sahid, M M, & Fettane, A. (2019). Kemahiran Bahasa Arab: Penanda Aras Agenda Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di USIM. *International Journal of Education*.
- Sahid, Mualimin Mochammad. (2020). *Persepsi Pelajar Pengajian Islam Terhadap Pengajaran Kursus Syariah Dalam Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*. Bandar Baru Nilai. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.10653.13287>
- Samah, R. (2012). Isu pembelajaran bahasa Arab. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*.
- USIM stracomm. (2015). USIM TUBUH PUSAT PENGEMBANGAN INTEGRASI NAQLI AQLI SEBAGAI RUJUKAN SERANTAU. Retrieved November 6, 2020, from <https://www.usim.edu.my/ms/berita/usim-tubuh-pusat-pengembangan-integrasi-naqli-aqli-sebagai-rujukan-serantau/>
- Yuslina Mohamed, Hazlina Abdullah, Mesbahul Haque, & Sulaiman Ismail. (2018). Integrasi Naqli dan Aqli dalam Pengajaran Bahasa Arab Tujuan Khas di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Islāmiyyāt*.